

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PENGGUNAAN GAMELAN MELAYU DI DALAM KARYA PENGUBAH
MALAYSIA**

LAPORAN INI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI MUZIK

**SEBAGAI MEMENUHI SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN SENI MUZIK**

Oleh

IMEE NADIA BT. ABDUL HADI

2004215635

SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

SESI MAC 2007

Penghargaan

Bismillahirrahmannirrahim...Syukur dan alhamdulillah saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyempurnakan laporan ini. Pertama sekali, ingin saya ucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga pada Nazrin yang telah banyak membantu serta melayani karenah saya sepanjang tempoh menyiapkan laporan ini.

Sekalung budi saya ucapkan kepada para pensyarah terutama Prof. Madya Dr. Shahanum kerana telah membantu dan memberi tunjuk ajar di dalam kajian yang dijalankan.

Sepanjang proses penyediaan laporan ini, tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Pendidikan Seni Muzik UiTM yang banyak membantu dan memberi sokongan moral kepada saya dan persahabatan yang terjalin begitu mesra di antara kita tidak dapat saya lupakan.

Akhir sekali ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam membantu serta memberi kerjasama untuk menyempurnakan laporan ini.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

BAB 1 - PENGENALAN

1.0	PENGENALAN	1
1.1	Latar belakang	2
1.2	Permasalahan	2
1.3	Tujuan	3
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Skop Kajian	4
1.6	Kaedah Kajian	4
1.7	Organisasi Bab	7

BAB 2 – KAEDAH TEORITIKAL DAN LATAR BELAKANG

2.0	PENGENALAN	10
2.1	LATAR BELAKANG	10
2.2	INSTRUMENTASI DI DALAM MUZIK GAMELAN MELAYU	13
2.2.1	Bonang	
2.2.2	Saron peking	
2.2.3	Saron barung	
2.2.4	Sarun demung	
2.2.5	Kenung	

2.2.6	Gambang	
2.2.7	Gong	
2.2.8	Gendang	
2.3	SISTEM TONAL	20
2.4	MELODI	21
2.5	FORM	22
2.6	IRAMA	23
2.7	REGISTER ALAT-ALAT MUZIK GAMELAN YANG BERTOMBOL	25
2.8	PERKEMBANGAN GAMELAN MELAYU PADA MASA KINI	27

BAB 3 – DEFINISI KONSEP GAMELAN KONTEMPORARI

3.0	Pengenalan	31
3.1	GameLAN KONTEMPORARI	31
	Temubual penulis bersama penggubah-penggubah tanahair	
3.2	FAKTOR YANG MEMBOLEHKAN GAMELAN MELAYU DIGABUNGGAN DENGAN ALAT MUZIK MODEN	41
3.2.1	Bentuk lagu	
3.2.2	Corak irama	
3.2.3	Struktur melodi	
3.2.4	Pembentukan melodi	
3.2.5	Gubahan	
3.2.6	Instrumentasi	
3.3	PERBEZAAN DI ANTARA LAGU TRADISIONAL GAMELAN MELAYU DAN GAMELAN KONTEMPORARI	45
3.3.1	Teknik permainan	

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Di dalam ensembel muzik tradisi di Malaysia, perkataan '*gamelan*' difahamkan sebagai suatu jenis ensemble yang terdiri dari alat-alat yang dipalu. Dari segi jenisnya, ia adalah lebih sedikit dan jumlahnya pula adalah lebih kecil dari yang terdapat di Indonesia. Ada dua ensembel *gamelan* yang terdapat di Malaysia; *gamelan Melayu Johor* dan *gamelan Melayu Terengganu*. Di dalam persembahan *gamelan Johor*, elemen *gamelan Jawa* masih dikekalkan. Persembahan ini juga dianggap sebagai tradisi rakyat yang mana ia dipersembahkan untuk tontonan masyarakat umum. *Gamelan Terengganu* pula dianggap sebagai satu persembahan tradisi Melayu yang tergolong di dalam tradisi persembahan istana. Ini adalah disebabkan oleh faktor tempat dan persekitaran perkembangannya di mana persembahan-persembahan yang diadakan hanya di persekitaran istana.

Di dalam kajian ini penulis akan mengkaji tentang aplikasi *gamelan Melayu* di dalam muzik moden. Di dalam notasi *gamelan Melayu*, ianya hanya menggunakan skala pentatonik iaitu samada di dalam tanda nada C major atau Bb major. Oleh itu, terdapatlah persamaan *gamelan Melayu* dengan muzik moden. Dalam menganalisis sesebuah lagu *gamelan Melayu*, terdapat beberapa aspek yang perlu dibuat penelitian. Aspek-aspek yang dimaksudkan ialah dari segi :

- i) Bentuk lagu
- ii) Corak irama
- iii) Struktur melodi